

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Surat Kredit Pengesahan-*i* ("LCC-*i*") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan/atau perniagaan anda.)



## Surat Kredit Pengesahan-*i*



### 1. Apakah produk ini?

Surat Kredit Pengesahan-*i* ("LCC-*i*") merupakan satu aku janji oleh kami (Bank Peraku) untuk membuat bayaran terhadap SK yang dikeluarkan oleh bank lain (Bank Penerbit) selepas penyampaian pematuhan dokumen oleh benefisiari anda. Kami bertindak sebagai agen bagi pihak Bank Penerbit untuk mengesahkan SK dan seterusnya mengenakan fi (*Ujrah*) atas perkhidmatan yang telah diberikan.

### 2. Apakah kontrak/konsep Syariah yang diguna pakai?

- Konsep Syariah yang digunapakai untuk Surat Kredit Pengesahan-*i* ("LCC-*i*") adalah *Wakalah*.
- *Wakalah merujuk kepada kontrak dimana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan suatu tugas yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan fi.*

### 3. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini ?

Menghapuskan risiko negara dan risiko pembayaran oleh Bank Penerbit tertakluk kepada pematuhan penyampaian.

### 4. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

- Anda hendaklah membayar komisen pengesahan atas perkhidmatan yang telah diberikan terhadap anda.
- Pembayaran tersebut dibuat secara bayaran pendahuluan atau pendebitan dari hasil yang diterima.

### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Komisen Pengesahan	3% setiap pengesahan

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawai fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Islam . Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

### 6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Kami akan menasihatkan Surat Kredit anda tanpa aku janji pembayaran oleh kami.

### 7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Tidak berkenaan.

### 8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Tidak berkenaan.

### 9. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?

Transaksi anda terdedah kepada risiko pembayaran dan risiko negara Bank Penerbit sekiranya Surat Kredit anda dinasihatkan tanpa pengesahan dari kami (Bank Pengesahan).

### 10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

### 11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat  
Export-Import Bank of Malaysia Berhad  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469  
Laman Sesawang: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: +603-2174 1515  
Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

### 12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai produk Surat Kredit Pengesahan-*i* boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my).

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469

### 13. Apakah jenis produk surat kredit lain yang ditawarkan?

- Surat Kredit Pemakluman-*i*
- Surat Kredit Rundingan-*i*
- Surat Kredit Kutipan-*i*
- Surat Kredit Boleh Pindah Milik-*i*

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT APABILA DITUNTUT**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.